



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

## Tambahan Kedua

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

JIL. LVI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 13 SEPTEMBER 2001

[No. S 1]

No. S 1

[No. JPBN(S): 600-3/1/1/(70)]

### ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1992 (Enakmen No. 13 Tahun 1992)

#### PERINTAH PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM SABAH 2001

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 8(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992, Yang di-Pertua Negeri dengan ini membuat Perintah berikut:

##### 1. Nama dan Mula Berkuatkuasa.

Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Islam Sabah 2001 dan hendaklah disifatkan sebagai mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2001.

##### 2. Penubuhan Perbadanan.

(1) Hendaklah dengan ini ditubuhkan berkuatkuasa daripada 1 Jun 2001 suatu perbadanan yang dinamakan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Islam Sabah.

(2) Fungsi Perbadanan adalah untuk membantu Majlis menjalankan dan menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992.

##### 3. Mohor.

Meterai Perbadanan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dan diluluskan oleh Perbadanan.

**4. Komposisi.**

Perbadanan hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan tidak lebih daripada lima ahli yang hendaklah dilantik oleh Majlis.

**5. Perlantikan.**

Ahli-ahli yang dilantik hendaklah dilantik bagi tempoh tiga tahun. Seorang ahli hendaklah layak untuk dilantik semula bagi tempoh selanjutnya dengan syarat pelantikan semula tersebut hendaklah tidak boleh lebih daripada tiga tahun. Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri membatalkan mana-mana perlantikan tanpa memberi apa-apa sebab atau peluang untuk didengar.

**6. Pejabat Perbadanan.**

Pejabat Perbadanan hendaklah di Wisma MUIS, Jalan Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah di mana mesyuarat Perbadanan hendaklah diadakan. Perbadanan boleh dengan kelulusan Majlis mengubah lokasi pejabat Perbadanan dan tempat mesyuarat perbadanan.

**7. Mesyuarat.**

Perbadanan boleh mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap bulan.

**8. Permintaan Mesyuarat Perbadanan.**

Pengerusi boleh pada bila-bila masa dan hendaklah atas permintaan dengan bertulis oleh tidak kurang daripada satu pertiga ahli-ahli menyatakan tujuan terhadap mesyuarat, memanggil satu mesyuarat khas Perbadanan dan hari yang ditetapkan bagi mesyuarat tersebut hendaklah dalam tempoh empat belas hari daripada pengemukaan permintaan tersebut. Notis bagi apa-apa mesyuarat khas hendaklah menyatakan tujuan mesyuarat, dan tidak ada hal lain selain daripada yang dinyatakan dalam notis tersebut boleh dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

**9. Korum.**

Korum pada mana-mana mesyuarat hendaklah lima.

**10. Notis Mesyuarat.**

Notis bagi mesyuarat Perbadanan hendaklah disampaikan kepada setiap ahli sama ada secara persendirian atau dengan meninggalkannya di tempat kediaman biasanya atau di alamat perniagaannya tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum mesyuarat tersebut: Dengan syarat bahawa peninggalan yang tidak disengajakan untuk menyampaikan notis tersebut ke atas mana-mana ahli hendaklah tidak menjelaskan keesahan mesyuarat tersebut.

**11. Kuasa Mengko-opt.**

Perbadanan boleh mengko-opt mana-mana orang dengan profession atau kelayakan atau kemahiran khusus untuk menjadi ahli Perbadanan.

**12. Penubuhan Kumpulan Wang.**

(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Perbadanan" yang hendaklah terdiri daripada semua wang yang diterima oleh Perbadanan.

(2) Maka hendaklah dibayar kepada ahli atau kakitangan Perbadanan gaji atau elauan daripada Kumpulan Wang Perbadanan sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

### **13. Fungsi Tambahan Perbadanan.**

Sebagai tambahan kepada fungsi-fungsi yang diberikan ke atas Perbadanan oleh Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 atau oleh mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa pada masa ini, Perbadanan –

- (a) hendaklah mempunyai kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa dan hak-hak yang serupa dengan kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa dan hak-hak Majlis di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992;
- (b) hendaklah mempunyai sistem pengurusan sebagaimana diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 atau di bawah mana-mana undang-undang yang pada masa ini berkuatkuasa yang tidak bercanggah dengan Hukum Syarak;
- (c) hendaklah tertakluk kepada kuasa-kuasa umum Majlis sebagaimana diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992, termasuklah tetapi tidak terhad kepada mengemukakan kepada Majlis sama ada dikehendaki atau sebaliknya, pada bila-bila masa, perkara-perkara berikut:
  - (i) Laporan Pengurusan Perbadanan tahunan;
  - (ii) Laporan Belanjawan Perbadanan tahunan;
  - (iii) Laporan Audit Perbadanan tahunan; dan

apa-apa laporan lain yang dikehendaki oleh Majlis secara spesifik dari semasa ke semasa.

Bertarikh di Kota Kinabalu pada 12 September 2001.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

K.Y. MUSTAFA,  
*Setiausaha kepada Kabinet.*

[No. JPBN(S): 600-3/1/1/(70)

**ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1992**  
(Enactment No. 13 Of 1992)

**SABAH ISLAMIC ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION ORDER, 2001**

In the exercise of the powers conferred by section 8(1) of the Administration of Islamic Law Enactment 1992, Yang di-Pertua Negeri hereby makes the following Order:

**1. Citation and Commencement.**

This order may be cited as Sabah Islamic Economic Development Corporation Order 2001 and shall be deemed to have come into force on the 1 June 2001.

**2. Establishment of Corporation.**

(1) There is hereby established with effect from the June 2001 a corporation in the name of Sabah Islamic Economic Development Corporation.

(2) The function of the Corporation is to assist the Majlis in carrying out the charge, conduct and management of any project, scheme or enterprise which has been planned or undertaken by the Majlis in execution of its duty or powers under section 7 of the Administration of Islamic Law Enactment 1992.

**3. Seal.**

The seal of the Corporation shall be as specified and approved by the Corporation.

**4. Composition.**

The Corporation shall be composed of a Chairman, a Deputy Chairman and not more than five members who shall be appointed by the Majlis.

**5. Appointment.**

The appointed members shall be appointed for a period of three years. A member shall be eligible for a re-appointment for a further term provided that such re-appointment shall not be longer than three years. The Majlis may, with the consent of the Minister revoke any appointment without giving any reason or an opportunity of being heard.

**6. Office of the Corporation.**

The office of the Corporation shall be at Wisma MUIS, Jalan Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah in which meeting of the Corporation shall be held. The Corporation may with the approval of the Majlis change the location of the office of the Corporation and the place of meeting of the Corporation.

**7. Meeting.**

The Corporation may hold a meeting at least once every month.

**8. Request for Meeting of the Corporation.**

The Chairman may at any time and shall, at the request in writing of not less than one-third of the members stating the object of the meeting, call a special meeting of the Corporation and the day fixed for such meeting shall be within fourteen days of the presentation of such request. The notice of any special meeting shall specify the object of the meeting, and no other subject than those specified in such notice shall be discussed at such meeting.

**9. Quorum.**

The quorum at any meeting shall be five.

**10. Notice of Meeting.**

Notice of the meeting of the Corporation shall be served on every member either personally or by leaving the same at his usual place of residence or at his business address not less than twenty-four hours before such meeting: Provided that the accidental omission to serve such notice on any member shall not affect the validity of any meeting.

---

## **11. Power to Co-opt.**

The Corporation may co-opt any person with professional or special qualification or expertise to be a member of the Corporation.

## **12. Establishment of Fund.**

(1) There shall be established a fund to be known as "the Corporation Fund" which consist of all monies received by the Corporation.

(2) There shall be paid to members or staff of the Corporation salary or allowance from the Corporation's Fund, as approved by the Minister from time to time.

## **13. Additional Function of the Corporation.**

In addition to those functions conferred upon the Corporation by the Administration of Muslim Law Enactment 1992 or by any other law for the time being in force, the Corporation -

- (a) shall have the duties, powers, and rights similar to the duties, powers, and rights of the Majlis under the Administration of Islamic Law Enactment 1992;
- (b) shall have the system of management as provided for under the Administration of Islamic Law Enactment 1992 or under any other law for the time being in force which does not conflict with *Hukum Syarak* ;
- (c) shall be subject to the general powers of the Majlis as provided for under the Administration of Islamic Law Enactment 1992, which includes but not limited to the submission to the Majlis, whether required or otherwise, at any time, the following:-
  - (i) Annual Corporation Management Report;
  - (ii) Annual Corporation Budget Report;
  - (iii) Annual Corporation Audit Report, and

any other report specifically requested by the Majlis from time to time.

Dated at Kota Kinabalu the 12th day of August, 2001.

By Command of the Yang di Pertua Negeri,

K.Y. MUSTAFA,  
*Clerk to the Cabinet.*

---

DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN,  
DATUK HAJI JAMDIN BUYONG, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., B.S.K. JABATAN CETAK KERAJAAN,  
SABAH, MALAYSIA.  
2001.

